

# CyberSecurity pantau aktiviti alam siber

UTUSAN SARAWAK - MUKA DEPAN

6 APRIL 2013

JUMIET NYIREK

KOTA SAMARAHAN, Jumaat — CyberSecurity Malaysia tidak mempunyai akta yang khas untuk melaksanakan penguatkuasaan berhubung kegiatan jenayah siber.

Ketua Pegawai Eksekutif Dr Amirudin Abdul Wahab berkata CyberSecurity hanya mempunyai pakar bagi membantu kerajaan mengesan atau memantau aktiviti alam siber.

“Tugas kita (CyberSecurity) adalah membantu pihak berkuasa seperti polis dan Suruhanjaya Komunikasi Malaysia berhubung jenayah siber,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah Kesedaran Keselamatan Siber sempena Program Tunas Cemerlang 2.0: Program Cybersafe Mentor di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini pagi tadi.

Menurut beliau, CyberSecurity bertindak berdasarkan laporan yang

diterima dari pengadu berhubung jenayah siber.

Beliau berkata, laporan itu diterima daripada pihak polis atau SKM mahupun menerusi talian Cyber999 milik CyberSecurity.

Dr Amirudin berkata, sehingga Mac tahun ini pihaknya sudah menerima sebanyak 2,499 kes membabitkan jenayah siber dengan 1,160 kes penipuan manakala 862 adalah pencerobohan akaun pengguna siber dan selebihnya lain-lain kes.

Beliau percaya masih ramai lagi pengguna siber di luar sana yang

menjadi mangsa tetapi enggan tampil untuk membuat laporan.

Ditanya mengenai jumlah laporan yang tidak stabil, beliau menjelaskan ia bergantung kepada bilangan laporan diterima daripada pihak berwajib seperti polis, SKM dan syarikat keselamatan siber itu.

“Mungkin apabila masyarakat telah mempunyai kesedaran mengenai keselamatan siber ini maka ramai akan tampil membuat laporan,” katanya.

CyberSecurity Malaysia merupakan pusat pakar keselamatan siber

kebangsaan yang bertanggungjawab membantu memantau dan menghalang kegiatan jenayah siber di negara ini di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Ceramah yang disampaikan itu membentangkan isu serta cabaran di alam siber yang dihadapi warga digital di Malaysia.

Selain itu ia turut membincangkan kepentingan beretika di alam siber dan cara untuk menyumbang ke arah penambahbaikan tentang keselamatan siber.